| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pesakit HIV ingin kahwin | | |
| Date | 17. May 2009 | Language | MALAY |
| Media Title | Metro Ahad | Page No | D16 |
| Section | Supplement | Article Size | 280 cm2 |
| Circulation | 342444 | Frequency | Daily |
| Readership | 2583000 | Color | Full Color |
| | | AdValue | 6037.31 |



# Pesakit HIV ingin kahwin

## Soalan

SAYA pesakit HIV yang perlu menjalani rawatan susulan (HAART) sepanjang hayat. Rawatan ini memerlukan saya makan ubat pada waktu yang ditetapkan. Sebelum menjalani rawatan, saya diberi nasihat dan kaunseling mengenai kesan yang bakal saya lalui sebagai pesakit HIV.

Antara perubahan ialah saya tidak boleh berpuasa seperti orang lain, termasuk pada Ramadan. Kini saya reda dan menyesali atas apa yang berlaku, namun saya masih bersyukur.

Walaupun diberikan ujian ini, saya percaya Allah sentiasa mengampunkan dan menerima taubat setiap hamba-Nya yang benar-benar menyesal atas perbuatan lalu.

Namun wujud beberapa persoalan iaitu:

a. Apa yang perlu saya lakukan kerana tahun lalu saya langsung tidak berpuasa. Adakah cara untuk saya menggantikan puasa yang tidak dapat saya lakukan?

b. Saya teringin untuk berumahtangga dan saya tahu undang-undang Islam di Malaysia mewajibkan setiap pasangan menjalani ujian saringan HIV.

Saya akan berlaku jujur dengan pasangan atau bakal isteri saya dengan memberitahu kepadanya bahawa saya pesakit HIV.

Jika dia boleh menerima, saya bersyukur dan reda dengan apa yang bakal berlaku.

Namun baru-baru ini saya terbaca dalam Harian Metro mengenai pasangan HIV yang ingin berkahwin terpaksa melalui pengalaman memeritkan dan menyedihkan kerana perlu lulus semua prosedur ditetapkan.

Jika saya mengambil keputusan ingin berkahwin, apa perlu saya lakukan?

**HAMBA ALLAH**
**Kuala Lumpur**



DILEMA... pesakit HIV sering rasa tersisih dalam masyarakat.

## Jawapan

**Setiap manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan, tetapi sebaik-baik manusia yang pernah melakukan kesilapan ialah mereka yang bertaubat. Puasa Ramadan itu wajib bagi mereka yang mampu. Orang yang uzur dikecualikan daripada melakukannya dan boleh membayar fidyah sebagai ganti.**

**Undang-undang mewajibkan pasangan bebas dari HIV bertujuan memastikan pasangan tidak menerima kemudaratan selepas berkahwin. Ini soal penyakit yang boleh membawa maut dan perlu dipandang serius.**

**Jika anda berlaku jujur dengan pasangan dan calon isteri bersetuju, ia pilihan dirinya dan dia mesti sanggup menerima risiko yang bakal menimpa dan bertanggungjawab dengan keputusan yang dipilih.**

**Banyak perkara yang boleh dilakukan dalam sisa-sisa kehidupan manusia ini. Hal ibadat bukan pada puasa dan berkahwin saja. Rancanglah bagaimana hendak mengisi masa yang ada untuk membuat sebanyak mungkin manfaat diri dan kebajikan orang ramai. Inilah ibadat yang baik untuk bekalan di akhirat nanti.**